

INTELLECTUAL PROPERTY OFFICIAL JOURNAL

Batch No. 3/2024

Date 23 Ogos 2024

1. List of Accepted Application for Registration  
*Senarai Permohonan yang Disetujuterima untuk Pendaftaran*
2. Details of Accepted Application for Registration (Pursuant to Section 13 of Geographical Indications Act 2022)  
*Butir-Butir Permohonan yang Disetujuterima untuk Pendaftaran (Menurut Seksyen 13 Akta Petunjuk Geografi 2022)*

**List of Accepted Application for Registration**

<b>Application Number</b>	<b>Class</b>
GI2023000006	3
GI2023000008	5
GI2024000006	2

**APPLICATION NO. GI2023000006**

**DATE OF FILING 10 OCTOBER 2023**

**REPRESENTATION OF GEOGRAPHICAL INDICATION  
KUNYIT PUTIH PENDANG**

**CLASS 3**

**LIST OF GOODS: HORTICULTURAL PRODUCTS  
WHITE GINGER**

**APPLICANT'S NAME/ ADDRESS/ NATIONALITY/ CAPACITY**

**1. ROSSLI BIN MD ISA**

**2. MOHDAKMAR BIN ROSSLI**

**3. BUNGA BINTI SHAFIE Trading as BR HERBA RESOURCES/ No. 04, Kampung Senara, Kubur Panjang, 06760, Pendang, Kedah Malaysia/ Malaysia/ A group of individual producers**

**THE DEMARCATION OF THE GEOGRAPHICAL AREA TO WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION APPLIES**



The Kunyit Putih Pendang production area is located in Kg. Senara, Kubur Panjang, Kedah, Malaysia.

**THE QUALITY, REPUTATION OR OTHER CHARACTERISTICS OF THE GOODS FOR WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION IS USED**



Kunyit Putih (*Curcuma zedoaria*) telah lama dikenali dengan meluas oleh masyarakat yang diakui mempunyai khasiat yang bertindak sebagai anti-kanser dan tumor yang berkesan. Pada kebiasaannya, kunyit dikenali sebagai bahan untuk membuat rempah ratus, bahan mentah untuk tujuan masakan dan perubatan, contohnya kunyit hitam yang dikatakan mengandungi kasiat untuk menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Namun, tak ramai yang memperkatakan tentang kunyit putih, yang juga mengandungi kasiat menyembuhkan penyakit

Bermula pada tahun 2003, Kunyit Putih di tanam di Kg. Senara, Kubur Panjang, Kedah. Ladang ini di namakan Ladang Organik Kunyit Putih di usahakan dengan mengamalkan kaedah organik tanpa menggunakan racun pertanian. Dari segi kesesuaian tanah, tanaman kunyit putih sesuai ditanam dikebanyakan tempat di Malaysia yang mempunyai iklim panas dan lembap dengan suhu 15-35 C. Ia boleh ditanam di dataran rendah dari paras laut hinggalah pada paras 1,220-meter atas paras laut. Curahan hujan yang berterusan terutamanya di kawasan tadahan hujan adalah baik untuk penanaman kunyit. Hujan tahunan yang optima untuk kunyit adalah sekitar 100 hingga 200 cm. Hujan sederhana lebat diperlukan semasa menanam dan hujan lebat semasa peringkat awal vegetatif.

Keadaan kering selama sebulan diperlukan sebelum penuaian dijalankan. Keadaan tanah sesuai bagi tanaman kunyit, biasanya bersaliran sempurna dan subur yang terdapat pada tanah jenis lom. Tanah rendah yang boleh bertakung air tidak sesuai kerana ianya peka terhadap keadaan terendam. Ketahanan pH tanah bagi tumbuhan ini adalah antara pH4.3 dan pH7.4.

Berdasarkan fakta-fakta seperti dinyatakan, geografi Ladang Kunyit Putih yang di usahakan di Kg. Senara, Kubur Panjang, Pendang ini, menepati faktor seperti kesesuaian tanah, iklim yang panas dan lembap, suhu dan pH tanah yang sesuai, menjamin penghasilan kunyit putih sejak 20 tahun yang lalu. ladang kunyit putih yang diusahakan di Pendang adalah yang pertama dan terbesar di Malaysia ketika ini, dengan anggaran purata pengeluaran kunyit putih sebanyak 30 metrik tan setahun.

**APPLICATION NO.** GI2023000008

**DATE OF FILING** 24 November 2023

**REPRESENTATION OF GEOGRAPHICAL INDICATION**  
**KEBAYA SETENGAH TIANG NEGERI SEMBILAN**

**CLASS 5**

**LIST OF GOODS: TEXTILES (OTHER THAN HANDICRAFT)**

**APPLICANT'S NAME/ ADDRESS/ NATIONALITY/ CAPACITY**  
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN/ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, Jalan Dato, Abdul Malek, 70503, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia/ Malaysia/ Government Agency**

**THE DEMARCATION OF THE GEOGRAPHICAL AREA TO WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION APPLIES**



Negeri Sembilan terletak di pantai barat semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Negeri Selangor di sebelah utara, Pahang di sebelah timur, Johor di sebelah tenggara dan Melaka di sebelah selatan. Ibu Negeri bagi Negeri Sembilan ialah Seremban manakala Bandar Diraja ialah Seri Menanti yang terletak dalam Daerah Kuala Pilah.

**THE QUALITY, REPUTATION OR OTHER CHARACTERISTICS OF THE GOODS FOR WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION IS USED**



Kebaya Setengah Tiang di Negeri Sembilan telah diubahsuai dari kebaya labuh dan menjadi lebih singkat daripada paras lutut dan bawah daripada punggung. Busana Kebaya Setengah Tiang turut dikenali sebagai baju kebaya "setengah tiang" mengikut dialek sebutan Negeri Sembilan. "Setengah Tiang" bermaksud labuh baju atas daripada paras lutut dan bawah daripada paras punggung. Busana ini tidak menampakkan bentuk tubuh pemakainya dan bersifat longgar. Kebiasaannya baju ini dipadankan dengan penggunaan kain batik sarung. Sehingga kini kebaya ini masih lagi digunakan dan kekal dengan potongan asal dengan beberapa variasi pola mengikut kesesuaian pemakai dan zaman. Busana Baju Kebaya Setengah Tiang berpotongan labuh atas daripada lutut, berbelah di hadapan baju dan tidak berkekek. Baju Kebaya Setengah Tiang mempunyai potongan tujuh berbanding baju kebaya labuh yang mempunyai potongan sembilan dan pola baju masih bersifat "mengurung" anggota badan. Perbezaan ketara bagi penggunaan baju antara mailis rasmi dan tidak rasmi ialah pilihan bahan fabrik yang digunakan. Dalam penggunaan tidak rasmi dan harian seperti ke bendang biasanya kain yang digunakan adalah kain kapas bercorak bunga dilengkapi dengan kocek di sebelah kiri dan dipadankan dengan kain batik sarung.

Cara ikatan kain batik sarung adalah ikatan tindih kasih iaitu lipatan kain mengarah dari kanan ke kiri. Cara ikatan kain membawa maksud dan falsafah yang berbeza. Bagi yang telah bersuami, kepala kain terletak di belakang manakala yang masih bujang, kepala kain terletak di hadapan. baju kebaya setengah tiang amat popular dan sering dipakai dan digayakan dalam majlis keramaian seperti menghadiri majlis undangan kenduri perkahwinan, berendoi dan sebagainya. Baju kebaya setengah tiang juga sering digayakan oleh pegawai kerajaan dan guru semasa mengajar di sekolah disebabkan potongan pola yang mudah untuk bergerak. Wanita yang mengayakan baju ini selalunya akan menggunakan kerongsang, dokoh dan rantai labuh untuk menaikkan seri pakaian tersebut. Baju Kebaya Setengah Tiang sering digayakan oleh kerabat di-Raja Negeri Sembilan

APPLICATION NO.

GI2024000006

DATE OF FILING

27 May 2024

REPRESENTATION OF GEOGRAPHICAL INDICATION  
AMPLANG TAWAU

CLASS 2

LIST OF GOODS: PREPARED FOODSTUFF  
CRACKERS

APPLICANT'S NAME/ ADDRESS/ NATIONALITY/ CAPACITY

1. ROZEKIN BIN SURATMAN
2. RAHMAH BIN SELAMAT
3. YAFDULLAH BIN HJ. SITAM
4. ROSMA @ NORHAYATI BINTI TITING
5. JEMINAH BINTI ABDULLAH
6. KASRIADI BIN SARMAN/ C/O TB 16943,1.5 Storey Light Industrial Building Taman Unipark, Jalan Tunku Abdul Rahman 91000 Tawau, Sabah, Malaysia/ Malaysia/ A group of individual producers

THE DEMARCATION OF THE GEOGRAPHICAL AREA TO WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION APPLIES



Pusat pengeluaran Amplang Tawau terletak di Tawau, Sabah, Malaysia.



**THE QUALITY, REPUTATION OR OTHER CHARACTERISTICS OF THE GOODS FOR WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION IS USED**



Keropok Amplang merupakan satu produk makanan ringan yang cukup dikenali. Ianya tidak asing lagi di negeri Sabah khususnya di daerah Tawau. Ia sudah menjadi makanan tempatan masyarakat Tawau sejak dahulu yang sekaligus telah pun dijadikan sebagai ikon bagi daerah Tawau khususnya.

Amplang pada asalnya adalah makanan kebiasaan masyarakat keturunan Bugis di daerah Tawau yang dimakan tanpa mengira waktu. Makanan ini kemudiannya dikomersialkan dan semakin mendapat permintaan oleh masyarakat tempatan lain dan juga masyarakat luar.

Keropok Amplang ini bukan sahaja boleh ditemui di daerah Tawau, tetapi juga di seluruh pelusuk negeri Sabah. Produk ini semakin dikenali dan digemari serta mendapat permintaan yang sangat tinggi di pasaran bukan sahaja di kalangan masyarakat tempatan Sabah malahan iuga pengemar dari Semenanjung Malaysia dan luar negara. Walaupun begitu, keropok Amplang ini hanya dihasilkan di daerah Tawau. Kilang pembuatan produk ini hanya terdapat di daerah Tawau.

Rasa sedap dan aroma keropok Amplang terkenal dengan menggunakan ikan tenggiri atau makanan laut selain sebagai bahan utamanya. Ini memberikan Amplang rasa istimewa, dan aroma segar daripada bahan utama tersebut. Amplang juga mempunyai tekstur yang rangup disebabkan cara menggoreng yang menjadikan Amplang mempunyai tekstur rangup di luar tetapi lembut di dalam. Ini menjadikan Amplang sebagai snek yang lazat untuk dinikmati pada bila-bila masa. Selain itu Amplang biasanya mempunyai bentuk yang unik, seperti bulat. Keunikan ini turut mempengaruhi daya tarikan visualnya dan menjadikannya rnenarik untuk dari segi rupa produknya.

Amplang juga boleh dikatakan snek tradisional yang popular. Ianya terkenal sebagai salah satu makanan ringan tradisional Sahah yang sedap masa kini. Amplang juga dijadikan sebagai cenderahati pada acara-acara tertentu dan juga dijadikan sebagai buah tangan wajib oleh pelancong yang datang berkuniung ke negeri Sabah.

Amplang umumnya mudah didapati di pasar, gerai-gerai, kedai dan pasaraya dan secara dalam talian selari dengan perkembangan semasa untuk memudahkan para penggemar mendapatkannya. Secara keseluruhannya, Amplang telah mendapat reputasi yang baik sebagai makanan sedia dimakan di Sabah dan Malaysia.